KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	6/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	-			

Inisiatif Sempadan Hijau Negeri

Pahang tambah hutan simpan kekal

BH 06.11.2021_23

Kerajaan negeri komited jamin kelestarian sempadan

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Kerajaan Pahang meluluskan cadangan inisiatif Sempadan Hijau Negeri membabitkan sempadan Pahang dengan negeri berjiran iaitu Terengganu, Kelantan, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri Rabu lalu, sebagai menjunjung titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata susulan itu kerajaan negeri akan mewartakan tanah kerajaan yang sudah dikenal pasti di kawasan sempadan berkenaan sepanjang kira-kira 26.806 kilometer (km) dan berkeluasan 557.585 hektar sebagai hutan simpan kekal menurut Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984.



Wan Rosdy Wan Ismail

Katanya, menerusi pewartaan itu, kerajaan negeri akan menolak ringkas semua permohonan tanah kerajaan untuk dibangunkan di kawasan Inisiatif Sempadan Hijau Negeri, berpandukan 6 (e) atau 31 (e) Kaedah-kaedah Tanah Pahang 1992.

"Sebagai makluman, pewartaan hutan simpan kekal terbaru ini adalah tambahan kepada sedia ada yang turut terletak dalam kawasan bersempadan dengan enam negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

"Bagi tanah milik pula, sebarang pembangunan meliputi jajaran 500 meter sempadan negeri, hendaklah dilaksanakan secara lestari berpandukan konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga menetapkan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri menyelaraskan syarat khas dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan perkara yang diputuskan.

"Dengan satu lagi keputusan 'mesra-alam' oleh kerajaan negeri ini diharapkan kawasan sempadan Pahang dengan enam negeri akan terus terjamin kelestarian alam sekitarnya," katanya.